


YB digesa martabat bahasa kebangsaan

Pembangkok turut sokong lebih kerap berbahasa Melayu



Laporan Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim semalam menyeru Ahli Parlimen berfungsi sebagai penggerak utama mengembalikan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Beliau berkata fungsi berkenaan mampu dilaksanakan jika Ahli Parlimen menunjukkan contoh yang baik kepada anggota masyarakat dengan menggunakan bahasa Melayu secara betul berbanding menggunakan bahasa Inggeris.

"Usaha memperkasa bahasa Melayu bukan hanya harus dipikul oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), malah pegawai kerajaan yang lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam mesyuarat jabatan," katanya ketika menggulung, perbincangan Bajet 2007.

Bagaimanapun, katanya, masyarakat tidak harus mengabaikan penguasaan bahasa, Inggeris sebagai bahasa antarabangsa.

Beliau berkata, kementerianya sudah melaksanakan pelbagai langkah memartabatkan penggunaan bahasa Melayu seperti menukar nama jalan di Putrajaya daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

"Apabila diputuskan tiga tahun lalu bahawa bahasa Melayu bukan lagi bahasa ilmu, ia kini hanya tinggal sebagai lingua franca. Ahli Dewan

mempunyai kuasa untuk mengembalikannya sebagai bahasa ilmu," katanya ketika menggulung perbincangan peringkat dasar Rang, Undang-undang Perbekalan 2007 di De-

"Usaha perkasakan bahasa Melayu tidak hanya dipikul oleh kerajaan serta Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi juga semua rakyat"

wan Rakyat, semalam.

Rata-rata Ahli Dewan Rakyat termasuk wakil pembangkang menyokong usaha kementerian itu untuk memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebangsaan yang menyatukan rakyat Malaysia.

Rais berkata, usaha memperkasa bahasa Melayu tidak hanya harus dipikul oleh kerajaan serta Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi juga semua rakyat termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam mesyuarat peringkat jabatan.

Beliau berkata, bagaimanapun dalam usaha memperkasakan bahasa Melayu, rakyat tidak harus mengtepidkan bahasa lain seperti bahasa Inggeris yang digunakan pada peringkat global.

Dr Rais Yatim
Menteri Kebudayaan, Kesenian
dan Warisan